

# Buletin MOT

Edisi 2 · Februari 2019



## Warga Emas Rumah Kebajikan Victory dan Tarian Singa Menyerikan Majlis Ramah Mesra Bersama YB Menteri Pengangkutan

**Majlis Ramah Mesra Bersama YB Menteri Pengangkutan dan Perhimpunan Bulanan Bulan Februari 2019 telah diadakan pada 13 Februari 2019 (Rabu) bertempat di Dewan Serbaguna, MOT. Majlis turut dihadiri oleh ketua-ketua jabatan/agensi, warga MOT dan jabatan/agensi dan wakil-wakil media.**



YB Menteri Pengangkutan beramah mesra dengan warga emas dari Rumah Kebajikan Victory sambil menyampaikan sumbangan 'ang pow'.

Majlis yang diadakan secara sederhana menjadi lebih meriah dengan kehadiran 20 orang warga emas dari Rumah Kebajikan Victory dan persembahan tarian singa. YB Menteri turut menyampaikan sumbangan dalam bentuk 'ang pow' kepada warga emas yang hadir.

Selain itu, majlis juga diserikan dengan acara menggaul 'yee sang' secara beramai-ramai di setiap meja sempena sambutan Tahun Baru Cina pada tahun ini. Di samping itu, diadakan juga penyampaian hadiah kepada pemenang 'Mencipta #Hashtag Media Sosial MOT' sempena penganjuran Pameran Antarabangsa Martim dan Aeroangkasa Langkawi 2019 (LIMA'19). YB Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Kamarudin Jaffar telah menyampaikan ucapan mengalu-alukan semua tetamu dan Tahun Baru Cina.

## Perjanjian Novasi LRT3 - Ketepatan Dalam Merancang Perbelanjaan Pada Kos yang Berpatutan

**Bagi memastikan harga kontrak tidak berubah-ubah dari kontrak Project Delivery Partner (PDP) kepada Kontrak Harga Tetap (Fixed Price Contract), Perjanjian Novasi LRT3 telah ditandatangani di antara Prasarana Malaysia Berhad dan MRCB-GK pada 22 Februari 2019 (Jumaat) bertempat di Prasarana, Menara UOA Bangsar, Kuala Lumpur disaksikan oleh Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Menteri Kewangan Malaysia, Yang Berhormat Tuan Anthony Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan Malaysia dan Yang Berhormat Tuan Khalid Samad, Menteri Wilayah Persekutuan.**



YB Menteri Kewangan, YB Menteri Pengangkutan dan YB Menteri Wilayah Persekutuan menyaksikan pertukaran dokumen Perjanjian Novasi LRT3 antara pihak Prasarana dan MRCB-GK.

Berdasarkan kepada perjanjian tersebut, Prasarana hanya perlu membayar RM760 juta, dan bukannya RM808 juta seperti yang dilaporkan oleh sesetengah media sebelum ini di mana kerja-kerja yang bernilai RM48.6 juta telahpun dirasionalisasikan. Daripada RM760 juta tersebut, Prasarana telah membayar MRCB-GK sebanyak RM504 juta dan baki RM255 juta akan dibayar kepada WPC selepas Perjanjian Novasi ditandatangani mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.



LANGKAWI INTERNATIONAL MARITIME AND AEROSPACE EXHIBITION

**26-30 March 2019**

Mahsuri International Exhibition Centre (MIEC) Langkawi

# Diskaun Tambang KTM Komuter Sehingga 40 Peratus Mulai 1 April 2019

**Kementerian Pengangkutan Malaysia melalui Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) akan memberikan diskaun sehingga 40 peratus kepada tambang KTM Komuter mulai 1 April 2019, iaitu kepada semua warganegara Malaysia. Pengumuman ini telah dibuat oleh YB Menteri Pengangkutan, Loke Siew Fook semasa sidang media yang telah diadakan pada 20 Februari 2019 (Rabu) di Kementerian Pengangkutan.**



YB Menteri Pengangkutan dan YB Timbalan Pengangkutan semasa sidang media pengumuman diskaun tambang KTM Komuter



Pengumuman diskaun ini di harap dapat meningkatkan lagi jumlah penumpang KTM Komuter pada tahun ini

Pengurangan tambang sebanyak 20 peratus ini merupakan satu lagi inisiatif baru yang diperkenalkan oleh kerajaan untuk penumpang KTM Komuter setelah kerajaan memperkenalkan inisiatif Pas Bulanan Tanpa Had My100 dan My50 pada 1 Januari yang lalu.

Pengurangan ini juga akan dapat menggandakan lagi manfaat kepada pengguna yang telah menggunakan sistem pembayaran tanpa tunai (*cashless*) iaitu yang menggunakan kad KTM / My Kad / Touch n Go daripada mendapat diskaun sebanyak 20 peratus menjadi 40 peratus untuk perjalanan harian.

Inisiatif ini diperkenalkan adalah bagi mengurangkan kos pengangkutan yang merupakan faktor ketiga tertinggi yang menyumbang kepada bebanan kos sara hidup walaupun dengan pengenalan inisiatif ini kerajaan dijangka akan mengalami kekurangan hasil sebanyak RM40 juta yang akan ditanggung oleh Perbadanan Aset Keretapi (RAC). Di samping itu, inisiatif ini diperkenalkan juga adalah untuk meningkatkan lagi jumlah penumpang KTM Komuter pada tahun ini.

Pengurangan 20 peratus ini diberikan kepada penumpang di Lembah Klang meliputi Pelabuhan Kelang ke Tanjung Malim, Seremban ke Batu Caves merentasi negeri Sembilan dan Selangor, manakala bagi Utara ianya dari Padang Rengas ke Butterworth dan dari Butterworth ke Padang Besar iaitu merentasi negeri Perak, Pulau Pinang, Kedah sehingga ke Perlis. Bagi kawasan Selatan pula meliputi dari Sungai Gadut ke Tampin.



YB Menteri Pengangkutan mendengar penerangan daripada Pengurus Besar RAC mengenai pelan Menara Sentral RAC

## Majlis Pecah Tanah Menara Sentral RAC

**Perbadanan Aset Keretapi (RAC) akan membina Menara Sentral RAC di kawasan seluas 0.44 ekar dengan kos berjumlah RM124 juta. Menara ini merupakan bangunan milik RAC yang pertama semenjak ianya ditubuhkan 27 tahun yang lalu. Menara ini akan menampilkan reka bentuk yang moden dan unik, mempunyai ciri-ciri eco-friendly daripada segi rekabentuk dan binaan bangunan bagi membolehkan ia mendapat pengiktirafan Green Building Index Certification (GBI). Sebanyak 70 peratus kaedah pembinaannya akan menggunakan Industrial Building System (IBS).**

Pembinaan menara ini akan dilaksanakan secara penswastaaan melalui kaedah pertukaran tanah kepada Arah Asas Sdn. Bhd., anak syarikat milik penuh YTL Corporation Berhad, selaku syarikat pemaju. Menara setinggi 30 tingkat ini akan dilengkapi dengan *lettable office space*, ruang komersial, *food gallery*, surau, ruangan lobi bangunan, kemudahan tempat letak kereta dan pelbagai kemudahan lain termasuk dewan serbaguna yang dijangka mendatangkan hasil pendapatan sejumlah RM12 juta setahun melalui penyewaan ruang pejabat, komersial dan *food gallery*.

YB Menteri Pengangkutan, Loke Siew Fook telah menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Pembinaan Menara Sentral RAC ini di Lot PT26, Seksyen 55, Jalan Tun Sambanthan, Brickfields, Kuala Lumpur pada 19 Februari 2019 (Selasa) yang lalu. Turut hadir dalam majlis ini ialah Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Dato' Kamarudin bin Jaffar, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pengangkutan, YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan, Pengurus Besar RAC, Encik Azhar Ahmad, Pengarah Eksekutif YTL Corporation Berhad, YBhg. Dato' Yeoh Seok Hong dan Pengarah Eksekutif YTL Land & Development, YBhg. Dato' Hamidah Maktar.



Pengerusi PUSPANITA menyampaikan cenderamata kepada KSU MOT sebagai tanda penghargaan dan terima kasih di atas perasmian Mesyuarat Agung PUSPANITA

## Mesyuarat Agung PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan Yang Ke-36

*Mesyuarat Agung PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan (MOT) yang ke-36 telah diadakan pada 15 Februari 2019 (Jumaat) dengan kehadiran ahli seramai 322 orang. Mesyuarat Agung pada kali ini telah dirasmikan oleh YBhg Datuk Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan dan turut dihadiri oleh Setiausaha Bahagian dan Ketua Unit di MOT.*

YBhg Datuk KSU dalam ucapan perasmian telah memaklumkan bahawa PUSPANITA merupakan sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang telah ditubuhkan pada 1 Mac 1983 yang telah berusia hampir 36 tahun dalam Perkhidmatan Awam. Objektif utama penubuhannya adalah untuk menjadikan wanita lebih berdaya saing, berkualiti, berilmu, berkemahiran, berketenterampilan dan bertaqwa supaya dapat menyumbang kepada pembangunan diri, keluarga dan masyarakat.

Intipati utama mesyuarat pada kali ini ialah membentangkan Laporan Tahunan 2018 berserta penyata kewangan yang berakhir pada tahun 2018 dan seterusnya melantik barisan Ahli Jawatankuasa (AJK) baru bagi sesi 2019-2021.

## Lawatan Kerja YB Timbalan Menteri ke Perbadanan Aset Keretapi (RAC)

*YB Dato' Kamarudin bin Jaffar, Timbalan Menteri Pengangkutan telah mengadakan lawatan kerja ke Perbadanan Aset Keretapi (RAC) di Taman Kajang Sentral, Kajang pada 26 Februari 2019 (Selasa). Ketibaan YB Timbalan Menteri telah disambut oleh Encik Azhar bin Ahmad, Pengurus Besar RAC dan warga kerja RAC.*



YB Timbalan Menteri bergambar bersama Pengurus Besar dan Pengerusi RAC sebelum sesi taklimat dimulakan

Semasa lawatan tersebut, YB Timbalan Menteri telah diberikan taklimat mengenai latar belakang, sejarah penubuhan, fungsi serta tanggungjawab RAC serta evolusi industri keretapi di Malaysia. Beliau juga diberikan taklimat mengenai teras strategik RAC bagi membuka potensi aset sebagai penjana pendapatan jangka sederhana untuk RAC. Taklimat telah disampaikan oleh Encik Azhar bin Ahmad, Pengurus Besar RAC.

Di akhir sesi taklimat, YB Timbalan Menteri berjanji akan memperhalusi cadangan-cadangan yang dipersembahkan kepada beliau dalam taklimat tersebut, selain mengambil maklum berkenaan isu perjawatan kontrak pegawai RAC yang mengekang kelancaran tugas RAC.



Sesi bergambar YB Menteri Pengangkutan dan YB Menteri Pendidikan bersama pelajar-pelajar sekolah rendah dan juga mascot Adam selepas Majlis Pelancaran PKJR

## Majlis Pelancaran Modul Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) Bagi Sekolah Rendah Peringkat Kebangsaan

*Modul Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) Semakan Sekolah Rendah telah dilancarkan dengan rasminya oleh YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan Malaysia dan YB Dr. Mazlee bin Malik, Menteri Pendidikan Malaysia pada 28 Februari 2019 (Khamis) bertempat di Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya.*

Fokus utama modul ini ialah pembudayaan pemanduan di jalan raya dengan lebih bersopan dan melahirkan pengguna jalan raya yang lebih selamat. Modul PKJR Semakan Sekolah Rendah ini telah ditambah baik dari modul yang sebelumnya terutama dari segi kandungan pembelajaran, ilustrasi grafik, teks yang disesuaikan dengan tahap murid sekolah rendah serta pengenalan kepada pembelajaran interaktif melalui bahan bantu mengajar seperti video, audio dan animasi mengenai keselamatan jalan raya. Usaha ini adalah hasil kerjasama Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Pendidikan melalui inisiatif Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dan Institut Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS).